

# Hasil 40 peratus Sabah: Mesyuarat pertama Januari 2026

Oleh JOHANNA MUMTAZ WANPA  
johanna.pa@mediamuli.com.my

**PETALING JAYA:** Mesyuarat pertama berhubung penyerahan tuntutan 40 peratus hasil Sabah dijangka diadakan pertengahan Januari depan bagi membincangkan kaedah dan 'parameter' pelaksanaannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara yang dituntut kerajaan Sabah itu telah dimuktamadkan dan bakal dilaksanakan setelah proses berkaitan diselesaikan.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan tetap komited untuk menyerahkan kepada Sabah 40 peratus hasil bersih yang dikutip dari negeri itu seperti yang dijelaskan dalam Jemaah Menteri sebelum ini.

Katanya, mesyuarat awal di peringkat jawatankuasa teknikal sudah diadakan di antara Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah bulan lalu.

"Jadi mungkin mesyuarat pertama itu kita buat sebelum pertengahan Januari 2026 mengenai kaedah dan parameter supaya benar-benar memberi keyakinan kepada rakyat Sabah.

"Ini bukan soal cari dalil terutamanya dalam musim pilihan raya sebelum ini dan juga kadang-kadang sesetengah pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sinis, kita buat apapun mereka terus sinis.

"Tapi saya nak beritahu,



**ANWAR Ibrahim bersalaman dengan Ewon Benedick ketika hadir pada Majlis Sentuhan Madani Bersama Rakyat Negeri Sabah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), semalam. - FACEBOOK EWON BENEDICK**

rakan-rakan saya dari Jemaah Menteri pun ada. Kita harus lihat secara tertentu, saya tak boleh kata kita serah pada Januari, kita selesaikan parameter dulu, jumlahnya dan berapa peringkat pembayaran dalam setahun," katanya berucap di Majlis Sentuhan Madani Bersama Rakyat Negeri Sabah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), semalam.

Anwar berkata, hasil perbincangan akan diserahkan kepada jawatankuasa teknikal dan Jawatankuasa Persekutuan-Negeri sebelum dibawa kepada Jemaah Menteri dan kerajaan Sabah.

"Tapi, apa yang sudah muktamad ialah Kerajaan Perseku-

tuan seperti mana yang saya sebut dalam Jemaah Menteri dan di Parlimen tetap komited untuk menyerahkannya kepada Sabah," katanya.

Menurut beliau, perbincangan berhubung tuntutan 40 peratus itu tidak sempat diadakan pada bulan ini disebabkan kesuntukan masa, selain empat jawatan menteri masih kosong dan perlu diisi terlebih dahulu.

"Jadi beri ruang kepada saya satu ke dua minggu ini memikir dan berbincang dengan ketua parti termasuk dengan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Haji Noor untuk mendengar pandangan mereka sebelum saya muktamadkan," katanya.